



# Agenda Advokasi Rakyat Malaysia yang menghidap penyakit tidak berjangkit (NCD)



# PENGHARGAAN

Agenda Advokasi Rakyat Malaysia yang menghidap penyakit tidak berjangkit (NCD) telah dibangunkan oleh NCD Alliance Malaysia (NCD Malaysia) dengan kerjasama Perikatan NCD Sedunia (Global NCD Alliance) untuk berkongsi pandangan dan inisiatif yang dapat membantu golongan ini serta menggalakkan penglibatan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCD) dalam usaha membanteras dan menangani masalah penyakit tidak berjangkit (NCD).

Agenda Advokasi Sedunia berkenaan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCD) boleh didapati di laman web Perikatan NCD Sedunia. Agenda advokasi ini dikategorikan sebagai dokumen asas yang menjadi sumber inspirasi dan harapan kepada semua individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCD) di seluruh dunia.

NCD Malaysia ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada:

1. Rakan-rakan, kerjasama daripada pertubuhan-pertubuhan awam (CSOs) yang lain, kumpulan pesakit, dan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) yang telah mengambil bahagian dan menyumbang dalam sesi Perbualan Komuniti yang telah dilaksanakan untuk inisiatif ini.

2. Kumpulan Pakar individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) yang memainkan peranan penting dalam mengarang Agenda Advokasi ini.

3. Puan Manjusha Chatterjee dan pasukan Perikatan NCD sedunia atas sumbangan idea dan pendapat mereka terhadap melaksanakan inisiatif ini.

## Ahli-ahli kumpulan pakar PLWNCD

1. Dr K Thiruchelvam
2. Mr Dominic Wong
3. Mr Harikrishnan Maniam
4. Mr Muhammad Mustaqim bin Izhar
5. Pn Zulaikha binti Mohamed Ali
6. Mdm Sew Boon Lui
7. Ms Siow Li Yin
8. Mdm Yeoh Kim Yeok
9. Pn Norlela binti Samad
10. Ms Siti Aishah binti Jamri

Published by NCD Malaysia  
Copyright © 2021 NCD Malaysia, care of The National Cancer Society of Malaysia  
Printed in Kuala Lumpur, Malaysia

All pictures were taken during the community conversations hosted by NCD Malaysia in partnership with NCD Alliance from September to December, 2020 in Malaysia, bringing together over 108 participants who are people living with NCDs (PLWNCDs).

Editors: Dr Murallitharan M. , Mandy Thoo  
Translated by: 1. Malay (Ms Mahirah Ma'som)  
2. Tamil (Mr Ragupathy Rengasamy)  
3. Mandarin (Mr Tan Jia Hwong)

Photos: ©NCD Malaysia, care of The National Cancer Society of Malaysia  
Design and layout: Mar Nieto  
Released in 2021

NCD Malaysia (Secretariat)  
c/o The Department of Health Education, Literacy, Promotion and Policy,  
National Cancer Society Malaysia  
66, Jalan Raja Muda Abdul Aziz,  
50300 Kuala Lumpur, Malaysia

## ISI KANDUNGAN

Penghargaan	2
Isi kandungan	3
Kami rakyat Malaysia yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (NCDs). Dengarlah suara kami!	4
Latar belakang	5
Membina agenda advokasi	7
Hak asasi manusia dan keadilan sosial	10
Pencegahan	13
Rawatan penjagaan dan sokongan	17
Penglibatan yang bermakna	20



## **KAMI RAKYAT MALAYSIA YANG HIDUP DENGAN PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT (NCDs). DENGARLAH SUARA KAMI!**

Kami rakyat Malaysia.

Kami menghidapi penyakit tidak berjangkit (NCDs).

Kami tidak mahu dikenali dengan penyakit ini.

Kami adalah individu; tetapi kami juga adalah bapa, ibu, anak lelaki, anak perempuan, rakan sekerja, jiran tetangga, rakan-rakan yang hidup bersama dalam komuniti ini.

Kami adalah individu; tetapi kami juga mempunyai hak, harapan dan impian.

Kami adalah tunjang utama kepada keluarga kami, dan kami juga adalah ahli-ahli komuniti yang produktif, serta penyumbang utama kepada pembangunan negara kita yang tercinta.

Kami telah datang bersama untuk menuntut dan memastikan bahawa suara kami didengari.

Kami berusaha untuk bersuara demi semua individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) - terutamanya mereka yang tua, sakit, miskin dan tidak berdaya untuk bersuara.

Kami menuntut agar kerajaan dan pemimpin politik mengambil tindakan proaktif untuk membantu menangani masalah penyakit tidak berjangkit (NCD).

Kami menuntut untuk sumber diperuntukkan bagi pengurusan dan kawalan penyakit tidak berjangkit (NCD) yang bersesuaian dengan beban masalah ini.

Kami menuntut langkah-langkah pencegahan penyakit tidak berjangkit (NCD) untuk anak-anak kami dan anak-anak komuniti ini diperkukuhkan, supaya semua warga Malaysia boleh bebas daripada beban penyakit tidak berjangkit (NCD) suatu hari nanti.

Kami menuntut hak untuk hidup dalam persekitaran yang sihat.

Kami menuntut hak untuk rawatan, penjagaan dan sokongan yang saksama.

Kami menuntut hak untuk menikmati kehidupan yang sihat dengan umur yang panjang.

Kami bersatu padu dan tekad untuk berjuang bagi kehidupan kami dan kehidupan generasi-generasi akan datang.

Kami menyeru anda untuk bersama-sama kami membina dunia dimana kita dapat membanteras penyakit tidak berjangkit (NCD).

Kami rakyat Malaysia yang menghidapi penyakit tidak berjangkit (NCD).

Inilah Agenda Advokasi kami.

**Dengarlah suara kami. Hayatilah pandangan kami.**

## LATAR BELAKANG

Pandemik Covid-19 yang berterusan di seluruh Malaysia telah menyebabkan pelbagai sektor perniagaan, perindustrian serta kesihatan terjejas, termasuk sektor penyakit tidak berjangkit (NCDs).

Pekerja kesihatan sememangnya mengalami kekurangan dan terjejas dengan lebih teruk dengan tambahan kekurangan peralatan untuk merawat dan menguruskan pesakit Covid-19. Kekurangan ini berlaku di semua peringkat sebagai tindak balas terhadap pandemik ini. Hal ini secara terus menjejaskan pengurusan dan perawatan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs).

Di samping itu, terdapat bukti yang menunjukkan bahawa individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) berisiko lebih tinggi untuk dijangkiti Covid-19; atau mengalami komplikasi jika mereka dijangkiti penyakit ini, berbanding dengan mereka yang tidak menghidapi penyakit tidak berjangkit (NCDs). Individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) sudah dibebani dengan penyakit kronik seumur hidup, tetapi ditambahkan lagi dengan cabaran mental, fizikal, dan perubahan akibat pandemik Covid-19 yang menyulitkan lagi keadaan untuk mereka.

Malaysia sudah lama memerangi epidemik penyakit tidak berjangkit (NCDs) sebelum pandemik Covid-19 muncul. Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (National Health and Morbidity Survey) 2019 yang terkini menunjukkan peningkatan yang berterusan dalam prevalen penyakit tidak berjangkit (NCDs); dimana jumlah penduduk mempunyai prevalen diabetes sebanyak 18.3% secara keseluruhan; prevalen hipertensi sebanyak 30.0% secara keseluruhan; dan prevalen hiperkolesterolemia sebanyak 38.1% secara keseluruhan. Jumlah pesakit kanser dan kesihatan mental juga terus meningkat, tanpa sebarang kemajuan atau penambahbaikan yang ketara. Situasi semasa juga tidak menggalakkan dari segi faktor risiko yang boleh diubah. Hampir 50.0% daripada orang dewasa di Malaysia didapati berlebihan berat badan atau gemuk; dan satu per empat daripada mereka atau 25.0% adalah tidak aktif secara fizikal. Lebih kurang 21.0% orang dewasa adalah perokok semasa dan 11.7% sering mengambil alkohol.

Penyakit tidak berjangkit (NCDs), terutamanya penyakit kardiovaskular, diabetes dan kanser, menyebabkan kerugian dalam ekonomi Malaysia sebanyak RM 8.91 bilion (kira-kira 0.65% daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK atau GDP) yang disumbang oleh kerugian produktiviti dari segi ketidakhadiran, hadir tetapi tidak bekerja secara optimum, dan kematian pramatang yang disebabkan oleh penyakit tidak berjangkit (NCDs). Di samping itu, kos penyakit yang disebabkan oleh kecacatan dan kehilangan tempoh masa kehidupan bebas penyakit dianggarkan kira-kira RM 100.79 bilion (atau 7.35% daripada KDNK).

Walaupun kesan kewangan tidak dapat ditentukan sepenuhnya, keadaan untuk individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) tidak optimum, malah kelihatan murung dan membimbangkan apabila mengambil kira wabak global yang sangat menular. Ramai individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) menghadapi kesukaran yang serius untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan. Seringkali, rawatan mereka ditangguhkan; dan beberapa kemudahan perawatan kini telah dihentikan sama sekali. Halangan bagi mendapatkan perawatan dan kemudahan kesihatan telah menjadi lebih teruk dan menyukarkan pengurusan kehidupan seharian individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) serta menjejaskan kehidupan mereka.

Kini, tibalah masa yang sewajarnya untuk mendengar suara individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS). Masyarakat mestilah membantu menangani masalah mereka termasuklah dalam urusan penyakit mereka. Individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) di seluruh dunia kini bersatu untuk mengambil pendirian dan menuntut suara mereka didengar dan mendorong pemerintah dan masyarakat bertindak. Sekarang adalah masa yang sangat penting bagi individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) di Malaysia untuk bergabung dalam gerakan ini; untuk memberi tenaga dan menyokong kerja yang dilakukan tentang penyakit tidak berjangkit (NCDs).

Pengalaman, wawasan, dan semangat kami adalah penting untuk memastikan gerakan penyakit tidak berjangkit (NCDs) nasional akan berterusan. Pendapat kami mencerminkan keperluan dan keutamaan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) di Malaysia.

Hayatilah pandangan kami.

## MEMBINA ADVOKASI AGENDA INI

Agenda Advokasi Malaysia adalah untuk individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs). Ia adalah kata sepakat rakyat Malaysia yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (NCDs). Agenda Advokasi ini merupakan suatu penyatuan pengalaman individu yang hidup dengan pelbagai jenis penyakit tidak berjangkit (NCDs) dari seluruh negara melalui Perbualan Komuniti (CC) yang telah dijalankan walaupun dalam suasana gentar akibat Covid-19 sepanjang tahun 2020.

Objektif utama Agenda Advokasi ini adalah untuk memastikan bahawa suara kami didengar, termasuklah cabaran yang kami hadapi dan bantuan kehidupan yang kami perlukan untuk menguruskan penyakit kami dalam kehidupan seharian.

Pembangunan Agenda Advokasi ini disokong oleh Perikatan NCD Sedunia dan NCD Malaysia dengan kerjasama Access Accelerated yang memajukan inisiatif Pandangan Kami, Suara Kami. Agenda Advokasi ini dikembangkan mengikut proses yang tersusun.

Pada bulan Ogos 2020, sesi komunikasi maya atau secara bersemuka dan soal selidik telah diadakan secara bersiri bersama rakan kongsi NCD Malaysia untuk mendapatkan pandangan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) di seluruh negara. Berikutan itu, NCD Malaysia dengan bantuan rakan-rakan kerjasamanya telah menjemput kumpulan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) dari kawasan-kawasan yang berbeza di seluruh negara serta dari kumpulan orang yang tinggal dengan penyakit tidak berjangkit (NCDs) yang berbeza untuk mengambil bahagian dalam sesi-sesi Perbualan Komuniti ini.

Sesi-sesi Perbualan Komuniti dan soal selidik telah dijalankan dalam 4 bahasa utama Malaysia iaitu Bahasa Malaysia, Inggeris, Mandarin, dan Tamil untuk memastikan perwakilan saksama suara-suara individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) di Malaysia. Hal ini mengukuhkan lagi kepelbagaian perwakilan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) dan bukti pengalaman yang telah mereka sumbangkan.

Perbincangan yang diadakan ketika Perbualan Komuniti adalah secara jujur dan terus terang. Individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) telah diminta untuk mengenal pasti masalah mereka dan mengemukakan 'permintaan' mereka kepada semua pihak berkepentingan yang telah dikenal pasti memainkan peranan dalam landskap NCD Malaysia.


Secara keseluruhan, seramai 108 individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) dari 11 kategori penyakit turut serta dan menyumbangkan suara mereka untuk menghasilkan Agenda Advokasi ini. Selepas itu, pemimpin individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) daripada komuniti, kumpulan sokongan atau organisasi NCD telah dipilih untuk menyertai Kumpulan Kerja Pakar bagi menyusun dan melengkapkan Agenda Advokasi ini sebelum diterbitkan.

Agenda Advokasi ini tertumpu kepada masalah yang dihadapi oleh individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) di Malaysia dan menyeru agar tindakan diambil dalam 4 bidang utama:

- **Hak Asasi Manusia dan Keadilan Sosial**
- **Pencegahan**
- **Rawatan, Penjagaan, dan Sokongan**
- **Penglibatan yang bermakna**

Semua bidang ini saling berkait dan penyertaan serta sokongan kami sebagai individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) diharap dapat menyumbang kepada perubahan yang bermakna untuk setiap aspek bidang-bidang yang disenaraikan.

Kami berharap agenda ini dapat digunakan sebagai kompas NCD Malaysia yang bukan sahaja membimbing usaha advokasi kami sendiri tetapi juga usaha bersama masyarakat dalam meningkatkan pencegahan dan kawalan penyakit tidak berjangkit (NCDs).



# HAK ASASI MANUSIA DAN KEADILAN SOSIAL

## KONTEKS

Hak asasi manusia dan keadilan sosial dalam bidang kesihatan merangkumi: i) hak kesejahteraan fizikal dan mental yang terbaik; ii) hak kesamarataan dari segi undang-undang; iii) hak perlindungan sosial; iv) hak mendapat pendidikan; v) hak menikmati kebebasan budaya dan kemajuan saintifik; vi) hak perlindungan minoriti; dan vii) hak untuk bekerja dalam keadaan yang kondusif.

Setiap individu mempunyai hak dari segi kesihatan; ini termasuk mendapatkan rawatan kesihatan tanpa had, serta menikmati perlindungan daripada penentu kesihatan sejagat yang negatif. Tanggungjawab kerajaan adalah untuk memastikan rakyat mendapat penjagaan kesihatan yang mampan.

## MASALAH KAMI

Kami individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) menghadapi penindasan hak asasi manusia dari segi aspek-aspek yang berbeza dalam kehidupan seharian. Hak kami untuk hidup dalam persekitaran yang sihat dinafikan. Apabila kami ingin mendapatkan rawatan kesihatan, kami dilayan secara berbeza berdasarkan latar belakang peribadi, sosial dan ekonomi kami. Kami tidak mempunyai perlindungan yang kukuh dari aspek undang-undang setelah kami didiagnosis menghidap penyakit. Hak kami seringkali dinafikan apabila kami ingin mendapatkan pendidikan dan maklumat yang dapat membantu kami menguruskan penyakit kami dengan lebih baik. Institusi kesihatan, pekerjaan malah institusi awam telah mendiskriminasi kami dalam pelbagai situasi berbeza.

## PERMINTAAN KAMI

**Kami, individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) meminta:**



### Kerajaan

i) Untuk memperkukuhkan perlindungan sosial individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) di semua kawasan; termasuk di tempat kerja.

ii) Untuk melibatkan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) dalam membina dasar pemerintahan dan juga rancangan pembangunan nasional, supaya keperluan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) dipertimbangkan dalam perancangan infrastruktur dan pembangunan.

iii) Untuk membanteras diskriminasi terhadap individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) melalui dasar anti diskriminasi khususnya di semua lapisan masyarakat, dengan mengambil kira perbezaan sosio-budaya di antara kita.

iv) Untuk menggalakkan kempen kesedaran kepada semua lapisan masyarakat untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai hak-hak individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) dalam kalangan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs); supaya dapat membawa ke arah pengurangan diskriminasi terhadap individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs).

## Wakil rakyat

(Anggota Parlimen (MP), Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan ahli majlis dalam kerajaan tempatan)

- i) Untuk memastikan penyertaan perwakilan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) di peringkat pengubahsuaian dasar.
- ii) Untuk memberikan pandangan terhadap penguatkuasaan polisi yang melibatkan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) di semua peringkat.
- iii) Untuk memperjuangkan hak dan peningkatan perlindungan yang lebih menyeluruh kepada individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) di semua peringkat kerajaan termasuk daerah, negeri dan kebangsaan.



## Kementerian Kesihatan

- i) Untuk melatih pekerja kesihatan di semua peringkat untuk memberikan rawatan dan layanan yang baik kepada individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs).
- ii) Untuk mencipta dan melaksanakan pelan khusus serta prosedur operasi (SOP) berkenaan penentangan amalan diskriminasi terhadap individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) dalam konteks penjagaan kesihatan.
- iii) Untuk memastikan pelaksanaan dasar-dasar serta polisi yang dapat melindungi hak kesihatan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) khususnya mereka dari golongan minoriti seperti orang Asli/Asal.

## Pekerja Sektor Kesihatan

- i) Untuk menerapkan budaya kerja hormat-menghormati dimana maruah individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) dijaga dan dilayan dengan baik.
- ii) Untuk merancang dan menyediakan perkhidmatan khusus untuk individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) khususnya mereka dari golongan minoriti seperti orang Asli/Asal.



## Sektor Swasta / Komuniti Perniagaan

- i) Untuk memastikan bahawa polisi serta dasar anti-diskriminasi terhadap individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) telah disusun dan dilaksanakan di peringkat institusi.
- ii) Untuk mewujudkan budaya empati dan sokongan di tempat kerja, dan menyediakan perlindungan pekerjaan kepada individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) serta penjaga individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs).
- iii) Untuk mempertimbangkan dan menyediakan inisiatif keperluan bagi individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs).
- iv) Untuk meningkatkan kebolehcapaian perkhidmatan kepada individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs), terutamanya kepada mereka yang berbeza kemampuan.

## Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Pertubuhan Awam (CSO)

i) Untuk menyokong langkah-langkah perlindungan daripada diskriminasi untuk individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) khususnya mereka dari golongan minoriti seperti orang Asli/Asal.

ii) Untuk memperkasakan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) khususnya mereka dari golongan minoriti seperti orang Asli/Asal dengan memberi pendidikan dan kesedaran mengenai hak mereka.

iii) Untuk menyediakan saluran perbincangan dan komunikasi kepada individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) khususnya mereka dari golongan minoriti seperti orang Asli/Asal untuk menyuarkan diskriminasi yang mereka hadapi.



## Individu / Kumpulan Individu Yang Hidup Dengan Penyakit Tidak Berjangkit (PLWNCDS)

i) Untuk membela perjuangan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) dan memastikan hak individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) di semua peringkat dilindungi.

ii) Untuk menyediakan saluran kepada individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) untuk menyuarkan diskriminasi yang dihadapi.

iii) Untuk mempertahankan diri atau rakan-rakan di sekeliling apabila didiskriminasi sama ada ianya berlaku kepada diri sendiri atau individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) yang dikenali.

# PENCEGAHAN

## KONTEKS

Pengurusan dan kawalan penyakit tidak berjangkit (NCDs) berteraskan idea untuk merawat penghidap penyakit tidak berjangkit (NCDs). Namun, satu unsur penting kawalan penyakit tidak berjangkit (NCDs) yang sering terabai adalah pencegahan: iaitu mencegah individu daripada menghidap penyakit tidak berjangkit (NCDs), atau mencegah individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) daripada menghidap lagi banyak penyakit tidak berjangkit (NCDs).

Secara individu, antara faktor yang menyebabkan penyakit tidak berjangkit (NCDs) adalah kesan daripada penggunaan tembakau, diet tidak sihat, kurang aktiviti fizikal, dan pengambilan alkohol berlebihan. Faktor-faktor ini dinamakan faktor yang boleh diubah. Tambahan pula, ada pelbagai faktor sosial yang turut menyumbang kepada penyakit tidak berjangkit (NCDs) iaitu dari segi kemiskinan, pendidikan, ekonomi dan status sosial. Faktor-faktor ini boleh menjejaskan individu atau masyarakat secara berasingan atau seiringan.

Secara kesimpulannya, terdapat dua strategi utama yang boleh dilaksanakan untuk mencegah penyakit tidak berjangkit (NCDs) iaitu: i) mengurangkan pendedahan terhadap faktor risiko yang dapat diubah, dan ii) mengurangkan pengaruh penentu lain, terutamanya dalam kalangan masyarakat yang kurang berkemampuan.

## MASALAH KAMI

Kami individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS), sedar tentang kesan apabila kami terdedah kepada faktor yang menyumbang kepada penyakit tidak berjangkit (NCDs). Kami menempuhi ketidaksamaan sosial dimana hak kami untuk menjalani kehidupan yang lebih sihat diabaikan.

Kami sememangnya kurang kesedaran akan faktor-faktor risiko dan kesannya di sekeliling kami. Kami sering terpedaya dengan pengiklanan yang salah atau palsu mengenai pemakanan, alkohol, dan produk tembakau.

Kami tidak mendapat peluang intervensi awal kesihatan awam, yang mungkin dapat membantu mencegah penyakit tidak berjangkit (NCDs) yang kini menimpa kami.

Kerana inilah kami bertekad untuk memastikan bahawa anak-anak kami dan generasi yang akan datang dapat hidup dalam persekitaran yang sihat dan selamat. Kami mahukan perubahan, dan perubahan perlu disegerakan untuk mengurangkan ancaman penyakit tidak berjangkit (NCDs) kepada masyarakat kita secara keseluruhan. Kami sedar bahawa untuk adanya perubahan, tindakan perlu diambil dengan segera; dan kami, individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS), mesti memimpin gerakan untuk memangkinkan arus perubahan ini.

## PERMINTAAN KAMI

Kami individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) meminta:



### Kerajaan

- i) Untuk terus memberi tumpuan kepada pencegahan penyakit tidak berjangkit (NCDs) di peringkat persekutuan, termasuk memperkasakan semula Jawatankuasa Kabinet bagi Mempromosikan Kesihatan Persekitaran yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri.
- ii) Untuk melaksanakan Pelan Strategik Kebangsaan bagi penyakit tidak berjangkit (NCDs) dengan menyediakan sasaran, garis masa dan petunjuk yang komprehensif; serta pelaporan yang konsisten melalui kerja-kerja pemantauan dan penilaian yang mantap.
- iii) Untuk membangunkan dan melaksanakan program pencegahan penyakit tidak berjangkit (NCDs) jangka masa panjang yang melibatkan semua sektor kerajaan dan diperjuangkan oleh kerajaan.
- iv) Untuk memberi kepakaran dan meneruskan pelaksanaan pendekatan Kesihatan dalam Semua atau "Health in All" secara berkesan dalam program dan dasar. Pendekatan ini perlu dilaksanakan melalui jawatankuasa kerajaan peringkat tinggi yang memacu agenda penyakit tidak berjangkit (NCDs) dalam Kerajaan, iaitu i) Jawatankuasa Pemandu Antara-Agensi Kesihatan bagi Persekitaran Mempromosikan Kesihatan dan Gaya Hidup Sihat; dan ii) Jawatankuasa Teknikal Antara-Agensi untuk Mempromosikan Kesihatan Persekitaran dan Gaya Hidup Sihat.
- v) Untuk meneruskan percubaan progresif ke atas produk faktor risiko yang boleh diubahsuai serta bahan-bahan, termasuk tembakau, minuman manis gula, dan makanan yang banyak diproses; dengan hasil yang dikumpul diperuntukkan untuk aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit tidak berjangkit (NCDs).
- vi) Untuk mewujudkan semula, melampani dana secara mampan dan menubuhkan lembaga promosi kesihatan kebangsaan bebas yang ditugaskan untuk pengawasan, pengawalseliaan, dan pelaksanaan aktiviti promosi kesihatan.
- vii) Untuk merangka dan menggubal dasar yang memberi insentif serta menggalakkan pembentukan persekitaran kesihatan kemampunan jangka panjang dan aktiviti yang sihat yang mengurangkan risiko Penyakit tidak berjangkit (NCDs).
- viii) Untuk mengawal selia industri yang menghasilkan tembakau, alkohol, dan makanan dan minuman yang banyak diproses/ tidak sihat, termasuk tumpuan khusus kepada pelabelan, pengiklanan, promosi, atau penajaan.
- ix) Untuk mewujudkan dan menjalankan kempen kesedaran negara mengenai pencegahan penyakit tidak berjangkit (NCDs) melalui media arus perdana serta media alternatif, dan memastikan kempen yang berterusan disertakan dalam semua aktiviti kerajaan atau sektor awam.

## Wakil rakyat

(Anggota Parlimen (MP), Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan ahli majlis dalam kerajaan tempatan)



i) Untuk menyokong dan menggalakkan penggubalan dan pelaksanaan undang-undang yang memperbaiki dan memacu pencegahan penyakit tidak berjangkit (NCDs) merentasi semua sektor dan di semua peringkat.

ii) Untuk memperjuangkan pencegahan penyakit tidak berjangkit (NCDs) di semua peringkat, termasuk menganjurkan aktiviti dan program pencegahan penyakit tidak berjangkit (NCDs) di bawah anjuran dan naungan mereka sendiri.

iii) Untuk menyelitkan program dan dasar pencegahan penyakit tidak berjangkit (NCDs) khusus dalam agenda politik individu mereka.



## Kementerian Kesihatan

i) Untuk melaksanakan dan memperuntukkan sumber yang mencukupi untuk strategi pencegahan penyakit tidak berjangkit (NCDs) dalam semua sektor kesihatan termasuk perawatan pesakit.

ii) Untuk membangunkan pelan dan rangka kerja kebangsaan yang mantap yang meningkatkan kesedaran awam serta mendidik mereka untuk meningkatkan kebolehan untuk membuat pembezaan, dan penentangan maklumat palsu, di samping memberi tumpuan kepada kebolehan mengenal pasti mitos dan pseudosains yang berkaitan dengan penyakit tidak berjangkit (NCDs), seperti makanan 'ajaib' untuk menyembuhkan penyakit.

## Kementerian Pendidikan

i) Untuk mencipta dan menyampaikan bahan pendidikan secara bersendirian untuk pencegahan penyakit tidak berjangkit (NCDs) di semua peringkat persekolahan dari rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi.

ii) Untuk mencipta dan membenamkan kandungan berasaskan atas faktor risiko dan pencegahan Penyakit tidak berjangkit (NCDs) dalam kurikulum semua mata pelajaran pendidikan di semua peringkat pendidikan.

iii) Untuk memberi mandat dan menguatkuasakan peraturan-peraturan yang menggalakkan persekitaran yang sihat di dalam dan sekitar institusi pendidikan, termasuk:

a) meningkatkan ketersediaan dan kemampuan makanan yang sihat,

b) menghentikan penjualan dan promosi makanan yang tidak sihat serta bahan-bahan lain yang berisiko seperti produk tembakau, dan

c) mewujudkan dan mengekalkan ruang yang selamat untuk aktiviti fizikal.



## Pekerja Sektor Kesihatan

i) Untuk terus menjadi penyokong aktif pencegahan penyakit tidak berjangkit (NCDs) yang berkesan di semua lapisan masyarakat.

## Sektor Swasta / Komuniti Perniagaan

i) Untuk mencipta dan menjalankan program kesedaran dan saringan pendidikan untuk penyakit tidak berjangkit (NCDs) dan faktor risiko mereka dalam kalangan pekerja mereka di semua sektor.

ii) Untuk membentuk program kesedaran pendidikan yang berterusan yang menekankan kandungan penyakit tidak berjangkit (NCDs) dan faktor risiko mereka dalam program latihan/pengajaran. Ini termasuk program tenaga kerja korporat, dan dalam sektor pendidikan swasta di semua peringkat.

iii) Untuk mewujudkan dan menguatkuasakan peraturan bagi mewujudkan persekitaran yang sihat di semua tempat kerja.



## Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Pertubuhan Awam (CSO)

i) Untuk mencipta dan menyampaikan program dan aktiviti pencegahan penyakit tidak berjangkit (NCDs) yang khusus untuk komuniti yang mampan dan berterusan.

ii) Untuk menyokong dan memberi sokongan bagi dasar dan program yang meningkatkan pencegahan penyakit tidak berjangkit (NCDs) di semua peringkat.

## Individu / Kumpulan Individu Yang Hidup Dengan Penyakit Tidak Berjangkit (PLWNCDs)

i) Untuk menjadi 'wira hidup' bagi memperjuangkan tema atau mesej pencegahan penyakit tidak berjangkit (NCDs) dengan memperjuangkan agenda penyakit tidak berjangkit (NCDs) dan menjadi pemangkin perubahan dalam lingkungan peringkat isi rumah, institusi, atau komuniti.



# RAWATAN PENJAGAAN, DAN SOKONGAN

## KONTEKS

Penyakit tidak berjangkit (NCDs) adalah penyakit yang kronik, dan individu akan menghidapinya seumur hidup. Penyakit tidak berjangkit (NCDs) memerlukan pendekatan daripada pelbagai aspek yang memerlukan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) dan pekerja sektor kesihatan bekerjasama untuk memastikan perawatan yang berterusan dan optimum.

Individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) memerlukan rawatan klinikal berkualiti dalam jangka masa yang panjang; dan perlu diberikan motivasi, diperkasakan dan menerima sokongan yang secukupnya ketika menguruskan penyakit mereka. yang diperibadikan secara individu sepanjang perjalanan perawatan mereka.

Perbezaan jenis, tahap, dan kesan dalam perawatan penyakit tidak berjangkit (NCDs) menyebabkan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) memerlukan rawatan, penjagaan, dan sokongan yang diperibadikan secara individu sepanjang perjalanan perawatan mereka.

## MASALAH KAMI

Kami, individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs), menghadapi cabaran yang berbeza dari segi rawatan, penjagaan dan sokongan dalam pengurusan penyakit kami. Kami tidak mendapat rawatan yang berkualiti yang menurut kualiti penjagaan piawai antarabangsa. Kualiti rawatan yang kami terima juga berbeza mengikut lokasi dan status sosio-ekonomi.

Kami sering menghadapi kelewatan dan halangan dalam mendapatkan rawatan dan penjagaan. Hal ini memberikan kesan yang sangat buruk kepada kami. Kami menghadapi cabaran yang besar untuk mendapatkan rawatan yang baru dan inovatif, rawatan jangka masa panjang atau rawatan paliatif.

Kami kekurangan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjaga dan mengurus diri sendiri dengan lebih baik. Kami sering tidak dihormati ketika dilayan di institusi perubatan dan tidak terlibat dengan cara penyakit kami diuruskan. Kami enggan membiarkan situasi ini berterusan hingga mengorbankan nyawa kami. Kami yakin bahawa dengan akses kepada penjagaan, rawatan, dan sokongan yang berkualiti, individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) dapat menjadi produktif dan menyumbang kepada masyarakat dan negara kami.

## PERMINTAAN KAMI

**Kami, individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) meminta:**



### Kerajaan

- i) Untuk menjamin dan terus berusaha untuk menyediakan akses perawatan untuk semua individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs), termasuk perkhidmatan pencegahan, diagnosis yang tidak lewat, sokongan psikososial, pemulihan, dan perawatan paliatif.
- ii) Untuk membangunkan sistem kewangan kesihatan yang lebih mampan yang dapat membiayai penjagaan dan rawatan berkualiti untuk individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs), agar kami tidak muflis akibat membiayai kos rawatan.
- iii) Untuk menempatkan dan mengutamakan penyakit tidak berjangkit (NCDs) dan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) dalam rancangan pembangunan jangka masa panjang nasional, termasuk membangunkan sumber klinikal dan bukan klinikal seperti tenaga kerja dan infrastruktur untuk rawatan, penjagaan dan sokongan yang lebih baik.

## Wakil rakyat

(Anggota Parlimen (MP), Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan ahli majlis dalam kerajaan tempatan)

i) Untuk memimpin agenda politik untuk memperbaiki sistem kesihatan, supaya perkhidmatan kesihatan yang lebih baik dapat diberikan dengan lebih saksama kepada semua orang, termasuk kami para individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs).

ii) Untuk menyokong peruntukan dana yang secukupnya untuk pengurusan penyakit tidak berjangkit (NCDs) di semua peringkat, termasuk persekutuan, negeri dan daerah / bandar.

iii) Untuk terus berusaha memperjuangkan agenda penyakit tidak berjangkit (NCDs) dan memberikan pengawasan untuk memastikan sumber-sumber yang berkesan dan efisien sentiasa diperuntukkan untuk menguruskan penyakit tidak berjangkit (NCDs).



## Kementerian Kesihatan

i) Untuk mengukuhkan sistem kesihatan untuk menguruskan penyakit tidak berjangkit (NCDs) dengan lebih baik, termasuk kolaborasi sektor awam-swasta yang lebih kukuh.

ii) Untuk melaksanakan proses yang mantap dan berkesan untuk pengawasan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs), serta keadaan penyakit mereka dalam sektor awam dan swasta.

iii) Untuk memastikan rawatan yang adil dan saksama untuk semua individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) dalam sektor awam dan swasta.

iv) Mengintegrasikan semua aspek pengurusan penyakit tidak berjangkit (NCDs) dengan lebih baik di sektor awam dan sektor swasta.

## Pekerja Sektor Kesihatan

i) Untuk menjadi penyokong tegar individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs).

ii) Untuk mencipta dan mempromosikan pelan pendidikan yang boleh membantu pekerja sektor kesihatan memberikan rawatan yang lebih baik kepada individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs).

iii) Untuk mengintegrasikan penyampaian perawatan agar dapat memberikan penjagaan bersepadu pelbagai disiplin yang lebih baik untuk individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs).

iv) Untuk mengukuhkan sistem rujukan di pelbagai tahap penjagaan, dan untuk menggabungkan akses ke perkhidmatan bukan klinikal (seperti perlindungan sosial) untuk individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) dengan lebih baik.

v) Untuk mencipta dan melaksanakan inisiatif pendidikan untuk pekerja sektor kesihatan bagi memastikan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) dilayan dengan hormat dan bermaruah pada bila-bila masa.

vi) Untuk mencipta dan melaksanakan program penglibatan pesakit dan pendidikan pesakit yang berstruktur untuk individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) di semua peringkat.





## Sektor Swasta / Komuniti Perniagaan

- i) Untuk menyokong usaha kerajaan untuk memperkukuhkan sistem kesihatan.
- ii) Untuk membangunkan dan melaksanakan model penyampaian yang lebih baru dan lestari dalam rawatan, penjagaan dan sokongan untuk individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS).
- iii) Untuk membantu meringankan beban kewangan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) dengan strategi untuk mengurangkan kos rawatan di sektor swasta.
- iv) Untuk memperkembangkan dan melaksanakan mekanisme pembiayaan yang lebih baru yang meningkatkan kemampuan rawatan, penjagaan, dan sokongan untuk individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) yang bekerja di sektor swasta.
- v) Untuk memastikan penjagaan yang sama dan saksama kepada semua individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) yang dirawat di sektor swasta.

## Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Pertubuhan Awam (CSO)

- i) Untuk membantu menyediakan jalan atau rancangan bagi penyelesaian halangan-halangan yang berkaitan dengan akses rawatan, penjagaan, dan sokongan di semua peringkat untuk individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS).



## Individu / Kumpulan Individu Yang Hidup Dengan Penyakit Tidak Berjangkit (PLWNCDS)

- i) Membentuk dan mengaturkan kumpulan dan rangkaian sokongan untuk individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS).
- ii) Untuk bekerjasama dengan pekerja sektor kesihatan bagi memberikan pendidikan yang lebih baik dalam membantu meningkatkan kesedaran dan pengurusan diri mengenai penyakit dalam kalangan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS).

# PENGLIBATAN YANG BERMAKNA

## KONTEKS

Terdapat pelbagai pihak berkepentingan yang terlibat dalam pengurusan penyakit tidak berjangkit (NCDs), tetapi individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) adalah satu-satunya kumpulan yang menghadapi risiko tertinggi termasuk maut. Kami merupakan pakar tentang diri kami sendiri, dan kami menyampaikan suara pihak berkepentingan yang paling penting.

Oleh itu, pengecualian kami sebagai individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) dalam proses perancangan, penciptaan dasar, dan pelaksanaan mengenai penyakit tidak berjangkit (NCDs) adalah tidak adil dan tidak bermakna kerana kesihatan kami yang dipertaruhkan.

Penglibatan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) yang bermakna dalam keseluruhan lanskap penyakit memerlukan penyertaan dan penglibatan kami di semua peringkat.

Penglibatan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) yang bermakna dalam konteks pembangunan dan pelaksanaan program dan dasar adalah satu-satunya cara untuk memastikan hasil yang positif daripada sebarang program atau dasar. Di samping itu, penglibatan yang bermakna memastikan bahawa individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) lebih komited, cenderung menyokong, dan lebih diperkasakan untuk memperjuangkan perubahan yang tulen dan berkekal.

## MASALAH KAMI

Pada ketika ini, pengurusan penyakit tidak berjangkit (NCDs) oleh negara dan sistem kesihatan yang mempengaruhi kami secara langsung tidak melibatkan kami individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) secara bermakna. Hal ini demikian walaupun keputusan yang diambil menentukan sama ada kami hidup atau mati. Kami sentiasa 'dibicarakan' dan jarang diwakili dalam proses membuat keputusan atau membuat dasar. Ketika kami hadir, ianya hanya secara simbolik untuk mengisi ruang dan kami diharapkan untuk diam dan tidak memberikan pandangan yang tulen dan penting.

Kami individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) ketinggalan dan tidak diberi peluang untuk terlibat di mana-mana peringkat; baik dalam perangkaan undang-undang nasional yang mempengaruhi individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS), atau bahkan dalam program peringkat daerah mengenai pengurusan penyakit tidak berjangkit (NCDs). Kami tidak pernah dilayan sebagai setaraf. Suara individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) iaitu suara kami yang telah melalui penyakit ini tidak dapat didengar di dewan-dewan yang berkuasa. Kami bersedia untuk bertindak bersama dan memainkan peranan kami dalam menangani penyakit tidak berjangkit (NCDs), tetapi tiada sesiapa yang melibatkan kami.

## PERMINTAAN KAMI

**Kami, individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) meminta:**



### Kerajaan

- i) Untuk memberikan peluang kepada individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) untuk diwakili dalam jawatankuasa perangkaan dan tindakan serta pemantauan proses-proses yang berkaitan dengan penyakit tidak berjangkit (NCDs) di semua peringkat.
- ii) Untuk memberi sokongan kepada penubuhan organisasi masyarakat sivil sama ada yang terdiri daripada individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) atau mereka yang bekerja dalam bidang penyakit tidak berjangkit (NCDs).

## Wakil rakyat

(Anggota Parlimen (MP), Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan ahli majlis dalam kerajaan tempatan)

- i) Untuk menyediakan cara untuk membolehkan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) dapat menyuarakan pendapat di semua peringkat, termasuk dalam badan perundangan negeri / persekutuan.
- ii) Mengadakan sesi rundingan berkala dengan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) dalam kawasan yang diwakili oleh wakil rakyat tersebut untuk memahami keperluan di peringkat dasar.



## Kementerian Kesihatan

- i) Untuk mencipta dan melaksanakan pelan perawatan berpusatkan pesakit dalam pengaturan penyampaian penjagaan dan melibatkan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) secara bermakna di semua peringkat.
- ii) Untuk mengenal pasti, mengembangkan, dan mengekalkan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) sebagai pendidik sebaya atau "peer counselor" dan jurucakap dalam lingkungan institusi penjagaan kesihatan formal.

## Pekerja Sektor Kesihatan

- i) Untuk berhubung dengan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) secara individu dengan cara yang bermakna ketika menentukan penjagaan mereka sendiri.
- ii) Untuk menyokong dan memupuk kerjasama yang bermakna dan berkesan dengan rangkaian / pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan awam (CSO) individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) untuk diintegrasikan dalam rawatan pesakit harian mereka.



## Sektor Swasta / Komuniti Perniagaan

- i) Mengadakan dialog dengan kumpulan / pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan awam (CSO) individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDS) yang bekerja dalam bidang penyakit tidak berjangkit (NCDs) secara berkala untuk sama-sama mengembangkan program / polisi institusi termasuk inisiatif CSR.

## Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Pertubuhan Awam (CSO)

i) Untuk berusaha bagi melibatkan individu yang hidup dengan penyakit tidak berjangkit (PLWNCDs) ketika membuat keputusan dan dasar dan memastikan bahawa pandangan mereka disertakan sekali dalam program atau polisi yang dibangunkan.



## Individu / Kumpulan Individu Yang Hidup Dengan Penyakit Tidak Berjangkit (PLWNCDs)

i) Untuk mencari peluang secara aktif untuk terlibat dalam keputusan, pembuatan dasar dan proses pelaksanaan yang mempengaruhi penyakit tidak berjangkit (NCDs) di semua peringkat.



# OUR VIEWS, OUR VOICES

An initiative by the NCD Alliance and people living with NCDs

Kami perlu kerap berkumpul. Hari ini kami ada 12 orang sahaja, hari esok mungkin 30 orang bersama kami. Apabila kami berganding bahu suara kami akan didengari.

Peserta Perbualan Komuniti


Kami perlu perbanyakkan aktiviti seperti forum, perbincangan bersama komuniti untuk menyuarakan hak dan keperluan kami.

Peserta Perbualan Komuniti

Kami rakyat Malaysia. Kami seharusnya mendapat manfaat yang disediakan oleh kerajaan, seperti rawatan untuk penyakit kami.

Peserta Perbualan Komuniti

#NCDvoices





# OUR VIEWS, OUR VOICES

An initiative by the NCD Alliance and people living with NCDs



To learn more about the Advocacy Agenda of People Living with NCDs and how you can take action, visit

[ncdalliance.org](http://ncdalliance.org)

#NCDvoices